

# Rakyat Palestin tersentuh kehilangan Mahathir

UM 31/10/2003 - 15 PRECISE

Oleh WAN NORAZAH WAN CHIK

Rakyat Palestin merupakan warga asing yang paling tersentuh dengan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk bersara. Namun mereka tetap menerima hakikat bahawa setelah menyumbang bakti selama 22 tahun Dr. Mahathir harus berundur.

Mereka akan mengenang Dr. Mahathir bukan sahaja sebagai pemimpin Malaysia tetapi seorang yang selama ini memperjuangkan isu Palestin.

Perkara itu diakui oleh Duta Palestin ke Malaysia, Ahmed El-Farra, yang ketika ditemui turut melahirkan rasa sedih rakyat Palestin berhubung hasrat persaraan Perdana Menteri itu.

Ahmed yang berkhidmat di Malaysia sejak 21 tahun lalu, iaitu setahun selepas Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, berkata, Palestin sebenarnya terkejut dan sangat sedih dengan pengunduran Perdana Menteri.

"Sejak 21 tahun lalu, saya melihat sendiri bagaimana Perdana Menteri berjaya mengubah dan mengangkat martabat Malaysia daripada sebuah negara kerdil yang tidak dikenali kepada sebuah negara yang dihormati dan dikagumi malah oleh negara maju sendiri.

"Bagi negara-negara membangun, khususnya dunia Islam terutama di rantau Arab, Dr. Mahathir adalah tokoh yang dianggap sebagai wira dan kepimpinan beliau amat dikagumi," tegasnya.

Kata Ahmed, kepimpinan Dr. Mahathir masih diperlukan oleh Palestin terutama dalam mengenengahkan isu-isu perjuangan pembebasan negara itu di peringkat antarabangsa kerana 'suara Malaysia kini tidak lagi dipandang remeh.'

Menurutnya, Dr. Mahathir adalah seorang yang tegas dan tidak berganjak daripada pendiriannya walaupun beliau sedar mengenai kesan yang akan dihadapi hasil kelantangan beliau terutama dalam isu Palestin.

Ditanya mengenai pengalaman manis beliau secara peribadi dengan Perdana Menteri, Ahmed berkata, beliau mengenali Dr. Mahathir sebagai seorang yang sangat sederhana dalam pelbagai segi dan paling penting, peramah dan baik hati.

Katanya, berbanding pemimpin-pemimpin dari dunia Arab yang hidup di kelilingi kemewahan yang melimpah-ruah, Dr. Mahathir mengamalkan cara hidup yang sangat sederhana – mengikut ukuran seorang ketua negara.

"Tidak keterlaluan jika saya katakan beliau betul-betul berkhidmat untuk rakyat dan komited untuk memajukan bangsa-dan negara terutama sewaktu krisis ekonomi beberapa tahun lalu.

"Tanpa ketegasan dan ketabahan beliau, saya yakin Malaysia tidak mampu keluar dari kepompong masalah kegawatan ekonomi dengan begitu cepat," tegasnya.

Menceritakan kekaguman beliau terhadap Perdana Menteri, Ahmed berkata, perkenalan pertama beliau dan Dr. Mahathir bermula 21 tahun lalu apabila beliau mahu menyerahkan watakah pelantikan beliau sebagai Duta Palestin ke Malaysia.

Katanya, beliau telah dilatih oleh pihak protokol Jabatan Perdana Menteri mengenai prosedur penyerahan watakah kepada Dr. Mahathir.

Namun apabila beliau masuk ke bilik Perdana Menteri, Dr. Mahathir bangun dan datang kepadanya sambil menghulurkan tangan serta memimpin beliau ke kerusi – tanpa mengikut protokol.

"Saya bergurau kepadanya dengan memberitahu bahawa saya telah dilatih berjam-jam mengenai cara menyerahkan watakah mengikut protokol tetapi tidak berkesempatan mempraktikkannya," kata Ahmed sambil ketawa.

Menurutnya, gurauan beliau itu disambut oleh Perdana Menteri dengan ketawa juga dan beliau terus meminta watakah tersebut diserahkan kepadanya tanpa menerusi protokol.

Secara berseloroh Dr. Mahathir memberitahu Ahmed bahawa beliau sendiri tidak tahu bagaimana untuk menerima penyerahan watakah daripada seorang duta.

"Itu cerita sewaktu beliau baru menjadi Perdana Menteri namun kisah kesederhanaan beliau tidak berakhir di situ sahaja kerana beliau yang saya kenali sehingga kini, amat sederhana sekali," kata Ahmed.

Menurut duta Palestin itu lagi, beliau juga pernah terserempak dengan Perdana Menteri di sebuah pasar raya ketika beliau dan isterinya sedang membeli belah.


Katanya, Perdana Menteri berseorangan ketika itu dan mungkin para pengawal peribadinya hanya memerhati beliau dari jauh atau mungkin Dr. Mahathir tidak membawa sama sekali mana-mana pengawal peribadi beliau ketika itu.

## Mi segera

Ahmed memberitahu, Perdana Menteri sedang menolak troli sambil melihat-lihat barangan yang dijual sebelum mengambil dan membelek sebungkus mi segera sebelum meletakkan kembali mi itu ke atas rak sejurus kemudian.

"Saya menyapa beliau dan bertanya adakah kandungan mi segera itu tidak bagus untuk kesihatan sehingga beliau yang juga seorang doktor meletakkan kembali selepas membaca kandungan ramuan mi itu?"

"Dr. Mahathir hanya ketawa menafikannya dan memberitahu saya bahawa mi segera itu.



di saf belakang.

"Beliau melakukan sunat tahiyat masjid tanpa beralaskan sejadah dan seorang jemaah yang kebetulan berada di sebelahnya terus menghamparkan sejadah di depannya," cerita Ahmed.

Beliau berkata, sebaik sahaja Dr. Mahathir selesai solat sunat, beliau terus melipatkan sejadah tersebut dan menyerahkan kembali kepada lelaki berkenaan sambil berterima kasih.

Walaupun lelaki itu mahu membiarkan Perdana Menteri menggunakan sejadah tersebut tetapi beliau berkeras menolak kerana katanya, sejadah itu dibawa oleh lelaki berkenaan dan dia seharusnya menggunakan sejadah itu.

"Saya melihat sendiri Perdana Menteri sembahyang Jumaat tanpa sejadah di saf belakang, sesuatu yang tidak mungkin dilakukan oleh pemimpin lain khususnya di dunia Arab," tegas beliau.

Katanya, cerita-cerita di atas hanya sebahagian kecil pengalaman peribadi beliau dengan Perdana Menteri dan semua itu telah menyebabkan rasa kagum beliau terhadap Dr. Mahathir tidak pernah padam.

Malah katanya, beliau sangat mengharapkan semua pemimpin akan mengikutinya langkah laku Perdana Menteri yang begitu sederhana kerana ia akan meningkatkan lagi rasa hormat dan percaya rakyat terhadap mereka.

tidak ada dalam senarai barang-barang yang diperlukan oleh isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Menurut Ahmed, mereka berbual seketika sebelum Dr. Mahathir meminta diri untuk ke bahagian alat tulis kerana Dr. Siti Hasmah turut meminta beliau membeli sampul surat.

"Bayangkan seorang Perdana Menteri boleh membeli-belah dengan begitu sahaja tanpa ditemani pengawal peribadi di sekelilingnya dan keadaan itu amat berbeza sebagai seorang pemimpin utama sebuah negara," katanya penuh kagum.

Ahmed memberitahu, satu lagi peristiwa yang meningkatkan kekaguman beliau terhadap Perdana Menteri ialah ketika beliau bersembahyang Jumaat di Masjid Negara sewaktu masjid itu dalam pengubahsuaian.

"Kebetulan Perdana Menteri tiba agak lewat dan masjid telah penuh ketika itu dan saya yang berada di saf kedua dari belakang menyedari ketibaan beliau.

"Namun Dr. Mahathir tidak terus ke saf depan walaupun beliau akan diberi penghormatan berbuat demikian tetapi sebaliknya Perdana Menteri bersembahyang



DR. MAHATHIR dan Dr. Siti Hasmah beramah mesra dengan beberapa rakyat Palestin di Seri Perdana.



TENAGA NASIONAL

PESANAN DR. M

MEREKA yang ingin kaya cepat akan jatuh dengan teruknya.

● Majlis Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga di Kuala Lumpur 10 Januari 1992.